

**MEDIA DAN LITERASI POLITIK DI SABAH MENJELANG  
PRU-14: KAJIAN KES PARLIMEN TAWAU  
*MEDIA AND POLITICAL LITERACY AHEAD OF GE-14:  
THE CASE STUDY OF TAWAU PARLIAMENT***

JASMI MOHD. NASIER<sup>1</sup>, ZAINI OTHMAN<sup>2</sup>, EKO PRAYITNO JOKO<sup>3</sup>,  
MOHAMMAD HAZIQ IKHSAN MOHD. RUDZAINOOR<sup>4</sup>

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.  
*imsajustme@gmail.com; zo@ums.edu.my;*  
*ekoprayitnojoko@gmail.com; haziqikhsanrudzainoor@gmail.com*

**ABSTRAK** Artikel ini bertujuan untuk melihat berkenaan dengan peranan yang dimainkan oleh media dalam meningkatkan literasi politik pengundi di kawasan Parlimen Tawau. Kajian ini menganalisis tentang kefahaman pengundi di Tawau berkenaan dengan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai seorang warganegara dalam proses demokrasi terunggul, iaitu pilihan raya umum. Pemahaman terhadap politik ini yang juga dikenali sebagai literasi politik semakin meningkat daripada satu pilihan raya ke pilihan raya yang lain, dan salah satu penyumbang kepada literasi politik ini adalah peranan yang dimainkan oleh media. Data-data yang digunakan dalam kajian ini adalah bersandarkan kepada data kaji selidik yang dijalankan sebelum pembubaran parlimen untuk Pilihan Raya UMUM ke-14 (PRU-14), dengan menggunakan borang soal selidik, sebanyak 1,000 borang yang diedarkan ke tiga buah DUN yang terdapat dalam kawasan Parlimen Tawau. Selain itu juga, *Focus Group Discussion* (FGD) turut dilakukan bagi menambah dan menguatkan lagi data-data daripada borang soal selidik dengan menemu bual beberapa orang responden di kawasan tersebut. Kajian berjaya membuktikan bahawa literasi politik pengundi-pengundi di Tawau ini adalah disebabkan peranan yang dimainkan oleh media, sama ada media elektronik, media cetak, maupun media sosial. Penulisan ini juga menunjukkan bahawa pengundi-pengundi di kawasan Tawau mula menunjukkan kefahaman yang tinggi dalam politik apabila mereka mampu menganalisis dan memberikan pandangan berkenaan dengan kuasa yang mereka ada sebagai seorang pemilih. Keadaan ini sekali gus berjaya merubah suasana atau trend pengundian pengundi di Tawau apabila mereka tidak lagi mudah untuk percaya atau terpengaruh kepada sesuatu isu-isu politik itu tanpa membuat sebarang penilaian terhadap maklumat tersebut. Akhirnya, ia akan mempengaruhi pengundi dalam pilihan raya umum bagi memilih calon untuk mewakili mereka sewaktu PRU-14 kelak.

**Kata kunci:** Media, literasi politik, Parlimen Tawau, PRU-14.

**ABSTRACT** *This paper explains the role played by the media in the increase of political literacy in Tawau Parliamentary constituency. This study analyzes the understanding of voters in Tawau on their role and responsibility as a citizen in the process of voting in the General Election. The understanding of this politics, also known as Political Literacy, is increasing from one election to one election, and one of the biggest contributors is the role played by the media. The data used in this study is based on the survey data conducted before the dissolution of Parliament before the GE-14 by using questionnaire forms, which is about 1000 forms, that was distributed to three DUN within the Tawau Parliamentary constituency. In addition, Focus Group Discussion (FGD) was also conducted to supplement and reinforce the data from the questionnaire, by interviewing several respondents in the study area. Studies have proven that the media has played a big role in political literacy in Tawau, either through electronic media, print media, or social media. This paper also shows that voters in Tawau have a high level of understanding in politics when they are able to analyze and give insight on their power as a voter. This situation has succeeded in changing the atmosphere or trend of voting in Tawau when they are no longer easily affected by political issues without making any assessment first. Ultimately, it will influence voters in the general election to select candidates to represent them during the GE-14.*

**Keyword:** *Media, political literacy, Tawau Parliament, GE-14.*

## PENGENALAN

Apabila membicarakan berkenaan dengan sistem demokrasi dalam sesebuah pentadbiran mahupun kerajaan, kita tidak boleh lari daripada melihat proses pilihan rayanya, sama ada dalam aspek perjalanan pilihan raya mahupun tabiat pengundian para pengundinya. Namun demikian, kajian berkenaan dengan pilihan raya di Malaysia, amnya di Sabah mula mendapat perhatian selepas berlakunya apa yang dipanggil sebagai ‘Tsunami Politik’ (Thock, 2009) pada pilihan raya 2008. Dalam pilihan raya tersebut, Barisan Nasional (BN) yang dianggap sebuah parti yang sangat kuat dan dominan di Malaysia mula goyah apabila hegemoni mereka dicalar oleh Pakatan Harapan (PH),

iaitu gabungan parti-parti pembangkang yang menidakkannya majoriti mudah di Parlimen, dengan menidakkannya kemenangan dua pertiga dalam pilihan raya tersebut. Kemenangan BN itu sangat dibantu oleh pengundi-pengundi di negeri Sabah, yang menurut Presiden Parti UMNO, iaitu Dato' Sri Mohammad Najib Abdul Razak sebagai *fixed deposit* BN dalam setiap pilihan raya (*The Sunday Daily*, 30 April 2018).

Jika dilihat, sejak pilihan raya tahun 2008 itu, kedudukan Sabah sebagai *fixed deposit* bagi BN boleh difikir semula apabila melihat situasi politik dan keadaan masyarakat Sabah yang mula menunjukkan minat yang begitu mendalam terhadap suasana politik yang berlaku di sekeliling mereka kini (*Reuters*, 5 Mei 2018). Literasi politik dalam kalangan masyarakat Sabah, sama ada golongan belia maupun golongan yang sudah berusia dilihat mampu untuk menentukan pola pengundian mereka dalam pilihan raya yang akan datang. Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada kepekaan masyarakat Sabah yang merupakan negeri termundur di Malaysia terhadap suasana semasa politik negara hingga membawa mereka keluar daripada ketidakpekaan terhadap politik. Suasana politik Sabah merupakan antara yang paling dinamik dan rencam di Malaysia kerana sering kali menjanjikan sesuatu yang di luar jangkaan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Jika dilihat dalam aspek sejarahnya, Sabah sememangnya antara negeri yang begitu dinamik politiknya ekoran pernah beberapa kali parti yang memerintah ditundukkan dengan parti-parti baharu seperti dalam kes *United Sabah National Organisation* (USNO) (Parti Perikatan)-Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA), BERJAYA-Parti Bersatu Sabah (PBS), dan PBS- BN (Sabihah, 2008).

Sehingga hari ini, BN masih lagi dominan di Sabah jika dilihat dalam pilihan raya terakhir iaitu pada tahun 2013 dengan memenangi 22 daripada 25 kerusi Parlimen yang dipertandingkan dan bagi DUN pula, daripada 60 kerusi, BN memenangi 48 daripada kerusi tersebut (SPR, 2018). Keputusan ini akhirnya membolehkan BN kekal berkuasa dengan membentuk Kerajaan Negeri selepas menang lebih dua pertiga kerusi DUN. Dalam setiap pilihan raya, isu-isu yang di angkat sering kali melihatkan perbezaan, namun isu-isu lokal sering menjadi topik hangat semasa kempen pilihan raya. Namun demikian, isu yang cuba diangkat dalam penulisan ini adalah berkaitan

dengan peranan media dalam meningkatkan literasi politik masyarakat di Sabah. Objektif kajian ini adalah bagi melihat; i) peranan media dalam meningkatkan literasi politik; dan ii) siapa yang dipilih oleh pengundi pada akhirnya. Dalam penelusuran ini, responden yang dilihat adalah daripada pelbagai latar belakang bagi memperlihatkan kesan signifikan yang dibawa oleh media dalam meningkatkan literasi politik dalam kalangan pengundi di Sabah Tawau khasnya, dan Sabah amnya.

Data-data yang diperoleh adalah daripada data-data kaji selidik Majlis Profesor Negara (MPN) berkenaan dengan PRU-14 di Sabah dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kajian ini dilakukan sekitar bulan Mei 2017 hingga Disember 2017 dengan mengedarkan borang soal selidik, serta FGD seramai sepuluh orang bagi setiap kawasan Parlimen. Selain itu, data-data juga diambil daripada geran penyelidikan khas pilihan raya daripada UMS bagi mengkaji suasana pilihan raya di Sabah sebelum PRU-14. Maka, data yang diperoleh ini adalah data sebelum PRU-14. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 8,000 responden yang merangkumi lapan kawasan Parlimen di Sabah, iaitu 1,000 bagi setiap Parlimen.

Bagi kawasan kajian iaitu Parlimen Tawau pula, lokasi kajian terletak di kawasan bandar dan luar bandar iaitu sebanyak 697 responden adalah daripada kawasan bandar dan 303 adalah responden luar bandar. Untuk jantina pula, responden lelaki sebanyak 632 orang, manakala responden wanita sebanyak 368 orang. Bagi pecahan peringkat umur, terdapat enam pecahan peringkat umur yang dikaji iaitu 21 ke 30 tahun (191 orang), 31 ke 40 tahun (255 orang), 41 ke 50 tahun (236 orang), 51 ke 60 tahun (195 orang), 61 ke 70 tahun (114 orang) dan 71 tahun ke atas (sembilan orang). Responden juga terdiri daripada pelbagai tahap pendidikan. Terdapat 125 responden yang tidak bersekolah, 235 responden yang hanya menerima pendidikan sekolah rendah, 411 sekolah menengah, dan 229 responden yang mempunyai tahap pendidikan hingga ke peringkat kolej dan universiti (Kerja lapangan, 2017).

Bagi FGD pula, responden yang dipilih adalah berdasarkan kepada peringkat umur yang berbeza dengan lebih menekankan kepada golongan yang berumur 40 tahun dan ke bawah. Hal ini demikian kerana peringkat umur ini dilihat begitu terdedah dengan penggunaan media-media baru,

iaitu media sosial jika dibandingkan dengan peringkat umur 40 tahun dan ke atas. Oleh itu, ia akan mampu untuk menilai pengaruh dan peranan media sosial ini dalam mempengaruhi pengundi-pengundi muda, serta peranannya dalam meningkatkan literasi politik pengundi di kawasan Parlimen Tawau. Responden yang dipilih juga adalah dari latar belakang pendidikan dan kawasan lokasi yang berbeza iaitu bandar dan luar bandar.

**Jadual 1** Peringkat umur responden FGD

Peringkat Umur Responden (FGD)	Jumlah
21-30 Tahun	3 (Responden 1, 2 dan 3)
31-40 Tahun	3 (Responden 4, 5 dan 6)
41-51 Tahun	2 (Responden 7 dan 8)
51 Tahun dan ke Atas	2 (Responden 9 dan 10)

N = 10 orang

Sumber Kerja lapangan (2017–2018)

**Jadual 2** Lokasi kajian responden FGD

Lokasi Kajian	Jumlah
Bandar	5
Luar Bandar	5

N = 10 Orang

Sumber Kerja lapangan (2017–2018)

Kawasan kajian iaitu Parlimen P.190 Tawau terletak di pantai timur Sabah dan dalam Parlimen ini terletaknya pusat bandar Tawau iaitu DUN Sri Tanjong. Parlimen ini terdiri daripada tiga buah DUN iaitu N.55 Balung, N.56 Apas dan N.57 Sri Tanjong. Jika dilihat daripada ketiga-tiga buah DUN ini, kawasan Balung dan Apas adalah kawasan majoriti Islam, manakala kawasan Sri Tanjong yang merupakan kawasan pusat bandar adalah kawasan majoriti Cina. Jumlah pengundi di kawasan ini sehingga suku ketiga tahun 2017 adalah seramai 59,260 orang (SPR: Daftar Pemilih Terkini, ST 3/2017, Statistik Mengikut Kaum Darah Mengundi). Kawasan Parlimen Tawau ini merupakan antara kawasan berpenduduk padat di Sabah dengan Bugis, Suluk, dan Cina sebagai suku kaum majoriti di kawasan tersebut ([www.mpt.sabah.gov.my](http://www.mpt.sabah.gov.my)). Oleh hal yang demikian, kawasan ini adalah kawasan yang majoritinya adalah penduduk beragama Islam.

Sejarah pilihan raya kawasan Parlimen Tawau dalam tiga pilihan raya yang terdahulu memperlihatkan penguasaan BN yang sangat dominan di kawasan tersebut. Dalam pilihan raya tahun 2004, Shim Paw Fatt iaitu calon BN menang tanpa bertanding. Pada 2008 pula, pertandingan tiga penjuru berlaku antara calon SAPP (yang ketika itu masih berada dalam BN), PKR dan DAP. SAPP yang diwakili oleh Chua Soon Bui menang dengan majoriti 4,867 undi dengan mendapat 13,943 undi, manakala calon DAP, Chan Foong Hin 9,076 undi, dan calon PKR, Berhan @ Birhan bin Ruslan mendapat 3,278 undi. Pada pilihan raya tahun 2013 pula, pertandingan empat penjuru berlaku apabila calon BN iaitu Mary Yap Kain Ching ditentang oleh calon PKR Kong Hong Ming, Chua Soon Bui calon SAPP, dan Ahmad Awang @ Madon calon Bebas. Mary Yap menang dalam perseteruan ini dengan mendapat 21,331 undi dengan mengalahkan calon PKR Kong Hoong Min yang mendapat 16,352 undi. Calon SAPP Chua Soon Bui pula mendapat 633 undi dan Ahmad Awang @ Madon mendapat 533 undi. Mary Yap menang dengan majoriti 4,979 undi dan seterusnya berjaya merampas semula Parlimen Tawau daripada tangan SAPP (*Utusan*, 2018).

Maka, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa Parlimen Tawau ini sememangnya menjadi kubu kuat kepada BN dalam setiap pilihan raya yang dijalankan. Namun demikian, situasi ini mungkin akan berubah dengan melihat kepada minat dan kepekaan masyarakat lokal, terutamanya apabila sesebuah isu- isu yang dibangkitkan itu adalah isu-isu setempat yang menjadi perhatian utama masyarakat setempat. Perubahan ini sememangnya memperlihatkan bahawa literasi politik masyarakat lokal di Parlimen Tawau itu semakin tinggi. Jika dilihat kepada situasi tersebut, pengundi-pengundi di kawasan parlimen Tawau ini mula keluar daripada ketidakpekaan terhadap politik kepada lebih peka dan prihatin terhadap perkembangan politik semasa, bukan sahaja di kawasan mereka tetapi juga di seluruh negara. Parlimen Tawau boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian Sri Tanjong dan DUN Apas adalah kawasan bandar, manakala DUN Balung adalah kawasan luar bandar (Majlis Perbandaran Tawau, 2018).

## **MEDIA DAN LITERASI POLITIK**

Menurut Karl Marx, sekiranya hendak menguasai pemikiran rakyat, kenalah menguasai media terlebih dahulu (Chandler, 1995). Daripada pernyataan ini, dapat dilihat bahawa media dan politik ini adalah dua entiti yang tidak dapat dipisahkan sama sekali. Sifat media yang hakiki, iaitu untuk menyebarkan sebarang maklumat, tidak terkecuali politik sering dijadikan alat oleh pemain-pemain politik bagi menguasai pemikiran rakyatnya. Media boleh dibahagikan kepada tiga kategori mudah iaitu media elektronik, media cetak, dan yang terkini iaitu media sosial (Md. Sadin, 2006). Globalisasi yang berlaku dalam dunia ini memerlukan sesebuah organisasi itu bergerak dengan pantas agar tidak ketinggalan dalam era yang serba mencabar ini. Hal ini juga tidak terkecuali media, apabila globalisasi ini telah mengubah peranan dan fungsi media itu menjadi lebih dinamik dan kompleks. Perubahan dalam peranan dan fungsi media ini juga sangat mempengaruhi pemikiran dan tindak balas yang akan berlaku dalam masyarakat. Sekiranya negara tersebut mengamalkan kebebasan mutlak, maka media di negara tersebut juga akan bebas daripada sebarang sekatan. Begitu juga sebaliknya sekiranya sesebuah negara mengamalkan sekatan tertentu, maka media juga akan disekat daripada bebas sepenuhnya.

Media boleh dibahagikan kepada tiga jenis yang utama iaitu media elektronik, media cetak dan media sosial. Media elektronik dan media cetak sememangnya sudah diketahui keberadaannya dalam kehidupan seharian masyarakat kita. Namun, terdapat media baharu yang dianggap sebagai media yang sangat berpengaruh masa kini iaitu media sosial. Media sosial telah mendapat tempat dalam kalangan masyarakat daripada pelbagai peringkat umur, seiring dengan kemajuan dan perkembangan sistem teknologi maklumat. Golongan remaja melihat bahawa media sosial ini merupakan satu trend terkini bagi mengisi kekosongan aktiviti pada waktu lapang di samping bersosial di alam maya. Harian Metro melaporkan bahawa Malaysia merupakan negara ketiga yang menggunakan internet, selepas Singapura dan Brunei bagi kawasan Asia Tenggara (*Harian Metro*, 30 Disember 2015). Maka, laporan ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat kita sememangnya tidak boleh dipisahkan dengan media sosial ini.

Walaupun media sosial menjadi salah satu medium utama yang sangat berkesan dalam menyampaikan maklumat dan berita, namun ia sering disalahgunakan oleh sesetengah pihak sebagai alat untuk menyebarkan fitnah dan maklumat-maklumat yang salah dan tidak tepat (Shamsul Amri, 2015). Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat kini lebih cenderung untuk menggunakan media sosial bagi membincangkan isu-isu terkini. selain mengutarakan pendapat masing-masing berkenaan dengan isu-isu tersebut. Platform yang begitu popular ketika ini seperti Facebook, Twitter, Whatsapp, Instagram dan lain-lain merupakan medium utama media sosial yang sering digunakan oleh masyarakat.

Hal ini ditambah pula dengan penggunaan telefon pintar yang memudahkan masyarakat untuk memperoleh dan berkongsi maklumat dalam masa yang singkat dan pantas. Bukan sahaja orang dewasa, malahan kanak-kanak dan remaja turut ghairah menjadikan media sosial sebagai sebahagian daripada keperluan kehidupan seharian. Jadi, tidak hairanlah jika dilihat di mana-mana tempat awam, pengangkutan awam mahupun di dalam kenderaan, seseorang itu akan lebih cenderung untuk melayari internet melalui telefon pintar masing-masing bagi mengisi kekosongan waktu mereka (Nadia, 2017: 2).

Pada dasarnya, menurut Laswell (1936), media mempunyai empat fungsi yang utama iaitu memberikan informasi, mendidik, hiburan, dan juga kawalan sosial. Bagi Burgon (2002), media juga mempunyai syarat-syarat tertentu iaitu kebebasan, fakta sebenar, dan menyeluruh, namun ada antara pemilik media yang terpaksa meninggalkan syarat ini akibat tekanan daripada pihak-pihak tertentu. Namun apabila berkaitan dengan politik, media sememangnya tidak boleh lari daripada digunakan oleh pemain-pemain politik dalam memasarkan agenda, parti dan ideologi politik mereka. Akhirnya, media ini menjadi satu bentuk komunikasi politik iaitu bagi menciptakan keadaan politik, pendapat umum dan juga pengaruh bagi setiap peringkat masyarakat (Miriam, 2003: 129). Ekoran daripada itu, akibat daripada kebergantungan yang tinggi masyarakat terhadap media, maka masyarakat secara langsung akan terpengaruh dengan berita yang disampaikan walaupun berita tersebut tidak benar. Maka, ia sangat memperlihatkan bahawa media ini sememangnya memberikan kesan yang sangat besar dalam kehidupan masyarakat.

Menurut Hands (1992), literasi politik merupakan pengetahuan dan pemahaman tentang proses politik dan isu-isu politik, sesuatu pemahaman dan pengetahuan yang memungkinkan setiap warganegara dalam sesebuah negara menjalankan peranannya sebagai seorang warganegara. Peranan ini termasuklah apa yang disebutkan sebagai *political expertise* dan *political awareness* yang membawa maksud sejauh mana seseorang warganegara itu mengambil tahu dan memahami situasi semasa politik dalam sesebuah negara tersebut. Selain itu, pendapat yang dikemukakan oleh Bernard Crick (2000) juga tidak jauh berbeza dengan pendapat sarjana di atas. Crick berpandangan bahawa literasi politik adalah pemahaman tentang konsep-konsep yang diambil dalam kehidupan seharian, dan bahasa adalah elemen yang penting dalam memahami sesebuah isu-isu politik, keyakinan orang yang bertanding, dan bagaimana kecenderungan mereka untuk mempengaruhi diri sendiri dan juga orang lain.

Secara ringkasnya, literasi politik pada dasarnya adalah gabungan yang kukuh daripada pengetahuan, keterampilan dan sikap. Dalam pada itu, Westholm *et al.* (1989) menyatakan bahawa literasi politik pada dasarnya adalah penglibatan warga negara, suatu penglibatan yang dibentuk agar seseorang warga negara itu menjalankan peranan dalam kehidupan demokrasi. Berdasarkan kepada pemahaman di atas, literasi politik dikukuhkan dengan adanya elemen-elemen yang dapat dikenal pasti dan diukur. Dalam hal ini, Madhok (2005) menetapkan sekurang-kurangnya ada empat elemen literasi politik, iaitu (i) kesedaran tentang pentingnya aktiviti dan institusi politik, kebebasan, dan peranannya, (ii) kemampuan untuk membuat pandangan dan kedudukan autonomi dalam proses politik dalam rangka menghasilkan suatu *outcome* politik, (iii) pengetahuan tentang pemahaman, perancangan dan perbelanjaan pemerintah untuk pembangunan dan keselesaan orang awam, (iv) partisipasi dalam kegiatan politik.

Seperti McClosky (1972: 252), partisipasi politik adalah kegiatan-kegiatan sukarela daripada warga masyarakat melalui mana mereka mengambil bahagian dalam proses pemilihan penguasa, dan secara langsung atau tidak langsung dalam proses pembentukan dasar negara. Hal ini senada dengan apa yang dikemukakan oleh Huntington *et al.* (2014) bahawa partisipasi politik adalah kegiatan setiap warga yang bertindak sebagai individu-individu

yang akan mempengaruhi pembuatan keputusan oleh golongan pemerintah. Partisipasi rakyat kepada negara sama ada dalam konteks urus tadbir negara, *daily governing*, mahupun *policy making* ditandai dengan berlakunya proses pilihan raya umum. Oleh hal yang demikian, pilihan raya itulah yang disebut sebagai pelaksana dan kemuncak kepada kehendak dan kuasa rakyat (Agus, 2017: 6) Seterusnya, lebih daripada itu, pilihan raya juga menjadi satu bentuk kewujudan makna sebenar kedaulatan rakyat, partisipasi warga dalam pilihan raya juga menentukan kualiti pilihan raya tersebut, corak kepimpinan dan corak pemerintahan yang akan dilaksanakan kelak (*Ibid*: 7). Maka, partisipasi warga dalam politik seharusnya dibangunkan untuk menghasilkan pilihan raya dan demokrasi yang berkualiti.

Sebagaimana yang telah disentuh dalam pernyataan di atas, dilihat bahawa partisipasi setiap warganegara dalam politik memerlukan kecerdasan dan kekritisan yang tinggi dalam kefahaman politik. Oleh hal yang demikian, seperti yang diterangkan oleh Heryanto (dalam Andi Faisal, 2012), literasi politik bukanlah semata-mata konsep yang normatif, tetapi adunan daripada pengetahuan, kebolehan dan sikap politik. Stoker (dalam Abdul Gaffar, 2015) pula mempunyai pendapat yang berbeza apabila menyatakan bahawa sifat utama dari politik dalam sistem demokrasi itu sungguh rumit. Jika sistem ini tidak dicemari dengan rasuah dan campur tangan pihak-pihak tertentu sekali pun, usaha untuk mencapai satu persetujuan bersama, membuat rundingan dan menjadikannya sebagai satu persetujuan bersama masih menjadi satu perkara yang sangat sukar. Memikirkan tentang kompleksnya sistem tersebut, Stoker menyifatkan bahawa warganegara adalah pemain politik yang bersifat amatur. Walhal, para amatur inilah sebenarnya yang menjadi majoriti dan pemilik kedaulatan yang sebenar.

Oleh hal yang demikian, kehadiran literasi politik dalam kalangan masyarakat sememangnya mendatangkan kesan yang begitu signifikan kepada kualiti sistem demokrasi negara kita. Literasi politik yang berlaku akan menjadikan setiap warga negara itu tanpa mengira tahap pendidikan, jantina, umur dan bangsa tahu akan peranan mereka dalam perjalanan pembangunan

negara. Selain itu, literasi politik juga akan dapat menyingsirkan sifat acuh tak acuh terhadap perkembangan politik negara kerana setiap yang berlaku dalam sistem pemerintahan akan memberikan kesan secara langsung kepada masyarakat. Sikap masyarakat yang mengambil kisah akan apa yang sedang berlaku dalam sistem politik negara akan menyebabkan sikap tanggungjawab mereka yang menjadi pemimpin akan lebih tinggi. Hal ini demikian kerana pemimpin-pemimpin yang dipilih tahu akan tahap literasi politik warganya yang tinggi dan hal ini menyukarkan mereka untuk menyeleweng daripada tugas hakikinya untuk berkhidmat kepada rakyat. Maka, kepentingan dan kebaikan rakyat akan senantiasa terjaga ekoran kesedaran tinggi rakyatnya tentang hak mereka.

## **PENGGUNAAN MEDIA DALAM KALANGAN PENGUNDI PARLIMEN TAWAU**

Media sememangnya penting dalam kehidupan masyarakat bagi mendapatkan pelbagai maklumat sama ada hiburan, sosial, ekonomi, mahupun politik semasa sesebuah negara atau kawasan. Hal ini juga tidak terkecuali bagi pengundi di Tawau yang turut menggunakan media sebagai medium utama mereka bagi mendapatkan maklumat, terutamanya situasi politik negara menjelang PRU-14 kelak. Oleh hal yang demikian, kekerapan penggunaan media yang diperoleh daripada data-data kaji selidik akan ditunjukkan dalam Jadual 3 bagi melihat kekerapan penggunaan sesebuah media tersebut.

### ***Media Elektronik***

Media elektronik merujuk kepada alat sebaran yang menggunakan teknologi elektronik atau elektromekanik untuk dicapai oleh pengguna seperti radio, televisyen, permainan video, komputer, telefon dan lain-lain. Penggunaan media elektronik dalam kalangan pengundi di Parliment Tawau dapat dilihat pada Jadual 3

**Jadual 3 Penggunaan media elektronik pengundi di Parlimen Tawau**

Media Elektronik	Ya	Tidak
TV 1 (RTM 1)	647	353
TV 2 (RTM 2)	334	666
TV 3	814	186
NTV7	52	948
TV 8	62	938
TV 9	276	724
Bernama TV	413	587
Astro Awani	518	482
Astro Al-Hijrah	93	903
Astro AEC	25	975
Radio	238	762
Papan Kenyataan Digital	31	969

N = 1000

Sumber Kerja lapangan (2017–2018)

Jadual 3 menunjukkan kekerapan pengguna di kawasan Parlimen Tawau menggunakan media dalam kehidupan sehari-hari mereka. Dapat dilihat bahawa dominasi media elektronik dan sosial dalam kalangan pengundi di Parlimen Tawau begitu ketara sekali. Media elektronik menjadi salah satu medium utama pengundi di Tawau dalam mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan, sama ada berbentuk hiburan, berita politik, mahupun berita ekonomi, dalam mahupun luar negara. Empat stesen media elektronik utama yang kerap digunakan oleh pengundi ialah TV1, TV3, BERNAMA, dan ASTRO AWANI. Penggunaan media elektronik ini begitu popular dalam kalangan pengundi, ekoran daripada tahap kepercayaan yang tinggi kepada kesahihan berita yang disampaikan. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan data yang diperoleh apabila kebanyakannya daripada responden mengatakan bahawa mereka lebih mempercayai berita berkenaan dengan politik yang disampaikan oleh media elektronik.

**Jadual 4** Jenis sumber yang paling dipercayai oleh pengundi

Jenis Sumber	Jumlah
Media Cetak	178
Media Elektronik	677
Media <i>Online/Sosial</i>	119
Lain-Lain	26

N=1000

Sumber Kerja lapangan (2017–2018)

### **Media Sosial**

Media sosial digunakan terus secara atas talian dengan membolehkan para pengguna dengan mudah untuk menyertai, berkongsi dan mencipta isi meliputi blog, rangkaian sosial dan dunia virtual. Penggunaan media sosial dalam kalangan pengundi di Tawau dapat dilihat dalam Jadual 5 di bawah:

**Jadual 5** Penggunaan media sosial dalam kalangan pengundi di Tawau

Media Sosial	Ya	Tidak
MalaysiaKini	137	863
Free Malaysian Today	65	935
Astro Online	47	953
Twitter	78	922
e-Mel	139	861
Facebook	487	513
Youtube	213	787
Blog	130	870
WhatsApp	357	643
Telegram	57	943
Instagram	106	894
WeChat	106	894
Bernama Online	22	978
Sayang Sabah	33	967
Free Sabah Blog	11	989
SMS	11	989

N=1000

Sumber Kerja lapangan (2017–2018)

Untuk media sosial pula, dapat dilihat bahawa Facebook, WhatsApp dan e-mel sering digunakan oleh responden di Tawau. Penggunaan media sosial ini begitu popular dalam kalangan pengundi muda dan pertengahan umur ekoran daripada ‘sifat’ media sosial itu yang mudah diakses tanpa sekatan dan kekangan dalam penyampaian maklumat. Selain itu, kebanyakan daripada responden yang berusia dilihat tidak begitu berminat dengan media sosial kerana mereka lebih tertarik dengan penggunaan media-media tradisional seperti media elektronik dan media cetak. Media sosial yang menjadi begitu penting dalam pilihan raya sejak 2008 dilihat sekali lagi akan menjadi kunci utama kepada parti-parti politik dalam menyampaikan maklumat dan propaganda politik mereka. Kadar kekerapan penggunaan media sosial yang begitu tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia amnya, dan Tawau khasnya akan memudahkan parti-parti politik untuk memanipulasi situasi tersebut bagi menyebarluaskan propaganda mereka.

### ***Media Cetak***

Media percetakan merupakan proses penghasilan semula teks dan imej yang lazimnya dilakukan dengan menggunakan mesin cetak yang mengenakan dakwat ke atas kertas. Percetakan lazimnya dijalankan sebagai proses industri besar-besaran serta merupakan bahagian penting dalam bidang penerbitan dan persuratan urus niaga. Penggunaan media cetak dalam kalangan pengundi di Tawau dapat dilihat dalam Jadual 6.

**Jadual 6 Penggunaan media cetak dalam kalangan pengundi di Tawau**

<b>Media Cetak</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
Berita Harian	416	584
Utusan Malaysia	229	771
Harakah	92	908
Suara Keadilan	81	919
Sinar Harian	92	908
Harian Metro	78	922
New Straits Times	39	961
Kosmo	17	983
The Star	5	995

Akhbar Cina	17	983
Akhbar Tamil	3	997
Poster	9	991
Risalah/ <i>Flyer</i> /Brosur	36	964
Sabah Times	65	935
Borneo Post	136	864
Utusan Borneo	111	889
Daily Express	90	910
Buku-buku Politik	8	992
Lain-lain	0	1000

N= 1000

Sumber Kerja lapangan (2017–2018)

Bagi media cetak pula, penggunaan media cetak ini sememangnya semakin berkurang jika dibandingkan dengan media elektronik dan sosial. Media cetak seperti surat khabar, majalah, makalah dan *flyers* boleh dianggap sebagai media tradisional ekoran daripada penggunaan media tersebut yang semakin berkurang dan pengguna media tersebut juga dalam kalangan mereka yang sudah berumur. Media-media cetak yang menjadi pilihan pengundi di Tawau adalah *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*, namun terdapat juga media-media cetak tempatan yang mendapat tempat seperti *Borneo Post* dan *Utusan Borneo*. Walaupun media ini semakin berkurangan penggunaannya, kita tidak boleh menafikan kepentingannya untuk menyebarkan maklumat kepada pengundi-pengundi di Tawau.

## MEDIA DAN LITERASI POLITIK DI TAWAU

Media dan politik sememangnya merupakan dua entiti yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama yang lain. Dengan mengambil kira Malaysia, proses demokrasi yang dianggap semakin terbina sejak tahun 2008 memperlihatkan bahawa masyarakat mula untuk melibatkan diri secara langsung dan tidak langsung dalam kancah politik negara dan tidak lagi hanya sebagai pemerhati kepada suasana politik di Malaysia (temu bual, Responden 1 hingga 10, Mei–Disember 2017). Hal ini juga terjadi dalam kalangan pengundi di Tawau apabila mereka turut mula menunjukkan minat

yang lebih kepada politik negara. Literasi politik yang mula meningkat ini sangat dipacu dengan pemodenan yang berlaku dalam peranan media yang semakin berubah dari semasa ke semasa. Perubahan yang berlaku dalam peranan media ini sebenarnya bukan sahaja memberikan manfaat kepada golongan pemerintah, bahkan juga kepada pengundi (temu bual, Responden 1 hingga 10, Mei–Disember 2017).

Pengundi di kawasan Parlimen Tawau ini semakin matang, sebagai contoh mereka inginkan muka baharu untuk menjadi calon kerana muka lama sudah dianggap tidak mampu untuk memberikan mereka khidmat yang terbaik keranakekangan kudrat dan corak pemikiran (temu bual, Responden 1 hingga 10, Mei–Disember 2017). Apabila disoal berkenaan dengan media, pengundi dilihat tidak lagi menggunakan satu-satu media sahaja dalam mendapatkan maklumat berkenaan dengan politik, tetapi mengambil kira pelbagai media bagi mendapatkan pelbagai perspektif dan sudut pandang yang berbeza (temu bual, Responden 1, 2 dan 3, 2017). Oleh hal yang demikian, penggunaan media yang pelbagai ini telah memberikan lebih banyak pilihan kepada pengundi dalam menentukan pola pengundian mereka kelak.

Daripada jadual, dapat dilihat bahawa pengundi sudah mula menggunakan bukan sahaja satu media untuk mendapatkan maklumat, tetapi juga menggunakan media-media lain dalam memahami dan mencari kebenaran terhadap sesuatu maklumat tersebut. Hal ini demikian kerana pengundi tidak akan mengambil sesebuah maklumat begitu sahaja, tetapi akan membuat penilaian terhadap berita tersebut dengan membuka saluran-saluran media lain untuk mendapatkan gambaran yang lebih luas. Dengan membuat penilaian ini, pengundi sebenarnya telah memahami makna politik sebenar apabila mereka cuba untuk mengambil tahu situasi politik sebenar yang berlaku di sekeliling mereka.

**Jadual 7** Penilaian ke atas sumber maklumat dari media

<b>Jawapan Pengundi</b>	<b>Jumlah</b>
Ya	404
Tidak	296
Tiada Masa	251
Tidak Perlu	49

N = 1000

*Sumber* Kerja lapangan (2017–2018)

Menurut responden, mereka mula tertarik dengan keadaan politik ini apabila mereka didedahkan dengan kritikan dan pandangan-pandangan yang diberikan oleh ahli-ahli politik dalam media seperti media elektronik dan media sosial (temu bual, Responden 4, 5 dan 6, 2017). Daripada pandangan dan kritikan tersebut, mereka akan melihat pemimpin mana yang akan mampu untuk membawa perubahan kepada negara. Selain itu, ia turut membantu pengundi untuk menentukan pihak mana yang lebih berkaliber dan berintegriti dalam melaksanakan tugas mereka sebagai pemerintah.

Bagi pengundi yang berusia, walaupun mereka masih menggunakan media-media tradisional seperti radio dan siaran televisyen, tetapi mereka masih mampu untuk memberikan pandangan mereka dengan begitu baik dan kritis berkenaan dengan politik tanah air. Golongan ini yang dianggap sebagai pengundi tegar Kerajaan BN dilihat mula serba sedikit beralih angin. Hal ini disebabkan oleh keadaan media tradisional itu yang dianggap sebagai tidak mampu untuk mempengaruhi mereka, terutamanya apabila menyentuh berkenaan dengan keadaan politik dan ekonomi negara. Berita-berita yang disampaikan tidak selari dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka, menyebabkan golongan ini mula berani untuk mempersoalkan kesahihan berita tersebut (temu bual, Responden 7 hingga 10, 2017). Walaupun dilihat seperti media tradisional tidak memainkan peranan dalam meningkatkan literasi politik, tetapi hal ini sebenarnya secara tidak langsung menyedarkan masyarakat tentang hak mereka dalam mendapatkan berita sebenar tentang apa yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu, ia sebenarnya telah meningkatkan literasi politik masyarakat tersebut.

Peranan media yang dikawal kerajaan dalam menyampaikan maklumat juga semakin diragui kesahihannya. Hal ini demikian kerana semakin lama semakin tidak relevan berita dan maklumat yang disampaikan dengan keadaan sebenar yang berlaku di sekeliling mereka. Keadaan ini ditambah lagi dengan kuasa media sosial, terutamanya kuasa tular yang begitu besar pengaruhnya kepada pengguna, terutamanya pengundi-pengundi muda. Mereka menyatakan, media alternatif seperti media sosial memberikan mereka peluang untuk melontarkan pandangan mereka bukan sahaja sebagai seorang pengundi, tetapi juga sebagai seorang rakyat dalam ruangan komen. Oleh itu, mereka terlatih untuk menyuarakan pandangan mereka, dan ini kemungkinan besar akan diterjemahkan dalam PRU-14 kelak (temu bual, Responden 1 hingga 6, 2017).

Dalam kalangan pengundi muda, mereka lebih dekat dan tertarik untuk menggunakan media sosial dalam mendapatkan maklumat. Sifat media sosial yang bebas dan membenarkan sesiapa sahaja memberikan pandangan berkenaan dengan sesebuah isu itu membolehkan media sosial ini menjadi medium utama golongan belia bertukar-tukar pandangan bagi membahaskan sesebuah isu dan masalah yang berlaku di sekeliling mereka (temu bual, Responden 1, 2 dan 3, 2017). Selain itu, ketiadaan sekatan terhadap media sosial ini menyebabkan golongan belia lebih berminat dengan medium media sosial yang dianggap sebagai lebih bebas. Daripada data yang diperoleh, lebih 80 peratus daripada golongan belia ini bersetuju bahawa penggunaan media sosial dalam kalangan belia sangat tinggi dan mampu mempengaruhi pemikiran belia.

**Jadual 8** Kekerapan penggunaan media sosial dalam kalangan belia

Kekerapan Penggunaan Media Sosial	Jumlah
Sangat Kerap	625
Kerap	218
Sederhana Kerap	117
Jarang	40

N=1000

*Sumber* Kerja lapangan (2017–2018)

Media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, dan WhatsApp adalah medium yang sangat dekat kepada golongan muda. Kebergantungan yang tinggi serta persembahan yang menarik berkenaan dengan berita-berita politik dalam media sosial ini menyebabkan ia menjadi medium utama kepada golongan muda. Halaman dalam Facebook seperti halaman WARISAN, MALAYSIAKINI, HARAKAH, SUARA KEADILAN dan UMNO menjadi saluran yang sering dikunjungi oleh golongan muda ini. Keadaan ini kerana mereka akan mendapatkan maklumat secara terus dan cepat daripada medium ini jika dibandingkan dengan media elektronik (temu bual, Responden 1, 2 dan 3, 2017). Namun demikian, golongan belia mengakui walaupun lebih dekat dan lebih banyak masa dihabiskan dengan media sosial, mereka lebih mempercayai dan yakin dengan media elektronik seperti TV3 dan TV1.

Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa terdapat beberapa perbezaan yang ketara bagi dalam penggunaan media bagi pengundi kawasan Parlimen Tawau. Sebagai contoh, walaupun media sosial begitu dekat dengan golongan belia, mereka masih lagi mempercayai dan menggunakan media elektronik sebagai medium utama dalam mendapatkan maklumat. Keadaan ini sangat berbeza dengan beberapa kajian yang menunjukkan bahawa golongan belia lebih mempercayai media sosial jika dibandingkan dengan media elektronik dan media cetak. Media elektronik seperti ASTRO AWANI, BERNAMA NEWS, TV1, dan TV3 menjadi saluran yang begitu banyak digunakan oleh masyarakat Tawau, dan hal ini menunjukkan bahawa ia masih lagi menjadi medium utama masyarakat untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan politik negara.

Jika diteliti, pihak kerajaan iaitu BN adalah parti yang sangat banyak menggunakan media sosial dalam menyebarkan fahaman dan manifesto politik mereka. Hal ini terbukti dengan data yang diperoleh yang menunjukkan bagaimana BN menggunakan media sosial dengan kerap untuk memancing sokongan rakyat. Responden yang ditemui juga mengakui maklumat tersebut apabila mereka menyatakan sejak PRU-13, penggunaan media sosial oleh pihak pemerintah (BN) semakin rancak dengan memperlihatkan kemampuan dan keberkesanannya segala dasar dan janji yang mereka buat. Walaupun pihak BN menggunakan media sosial dengan rancak, tetapi ia masih belum lagi memberikan jaminan akan memberikan mereka keadaan yang selesa dalam PRU-14 kelak.

**Jadual 9** Parti politik yang banyak menggunakan media sosial dalam menyampaikan maklumat

Jawapan Pengundi	Jumlah
BN	692
Pembangkang	275
Tidak Pasti	6
Tidak Menjawab	27

N = 1000

Sumber Kerja lapangan (2017–2018)

## SIAPA PILIHAN PENGUNDI?

Daripada temu bual dan edaran borang soal selidik yang dijalankan, masyarakat Tawau sudah mula berubah angin apabila menginginkan perubahan dari segi tampuk kepimpinan negeri dan negara secara keseluruhannya. Hal ini sangat berbeza dengan beberapa PRU yang lepas. Jika sebelum ini agak sukar bagi melihat pengundi-pengundi di Tawau untuk menyatakan pendirian politik mereka, tetapi kini segalanya berubah. Pengundi sudah mula menunjukkan minat terhadap perkembangan politik negara apabila mereka tidak lagi mudah dipengaruhi dengan janji-janji yang dibawa oleh calon-calon politik. Dengan keprihatinan pengundi terhadap situasi politik negara, maka sukar bagi pihak-pihak tertentu untuk memanipulasi fakta atau berita kerana tahap literasi politik masyarakat Tawau yang semakin meningkat dari satu PRU ke PRU seterusnya. Peranan yang dimainkan oleh media, serta kemunculan media sosial sebagai satu medium baharu dalam menyampaikan maklumat telah membawa perubahan besar kepada pengundi kawasan Tawau apabila mereka mula beralih arah untuk lebih memihak kepada parti pembangkang dalam PRU-14 akan datang. Maka, daripada dapatan akhir, penyelidik menjangkakan bahawa kawasan P.190 Tawau akan jatuh ke tangan pembangkang setelah sekian lama berada di bawah parti BN.

## KESIMPULAN

Media sememangnya memainkan peranan penting dalam meningkatkan literasi politik dalam kalangan pengundi di kawasan Parlimen Tawau. Kehadiran media baharu iaitu media sosial telah membuka dimensi yang lain dalam menyampaikan maklumat dan berita berkaitan dengan politik

kepada pengundi. Kini, media bukan sahaja berperanan sebagai penyampai maklumat jenis sehala, bahkan sudah mengorak langkah lebih daripada itu. Dengan kebergantungan masyarakat terhadap berita-berita politik negara terletak di bawah tanggungjawab media, maka pihak yang berjaya untuk memanipulasi kebergantungan ini akan berjaya untuk mendapatkan perhatian dan sokongan daripada rakyat. Kedinamikan pendapat dan perbincangan yang berlaku dalam media, terutamanya media sosial akan membuka mata dan pemikiran rakyat untuk lebih dekat dengan keadaan politik negara apabila rakyat sendiri yang menjadi hakim kepada maklumat dan isu-isu yang cuba disampaikan. Keadaan ini bukan sahaja menguntungkan pemain-pemain politik semata-mata, tetapi juga akan menguntungkan rakyat bawah yang semakin hari semakin memahami erti demokrasi sebenar melalui peranan yang dimainkan oleh media.

## **PENGHARGAAN**

Terima kasih diucapkan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) atas pemberian dana penyelidikan bagi projek penyelidikan khas kajian politik dan pilihan raya negeri Sabah 2018 (SDK0033–2018). Penghargaan juga diberikan kepada Encik Amrullah Maraining dan Cik Farah Izzati Farush Khan atas bantuan dalam menyiapkan makalah ini. Penulis juga turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang turut terlibat dan memberi idea dan sumbang saran dalam menyempurnakan makalah ini.

## **RUJUKAN**

- Abdul Gaffar Karim. (2015). *Memahami tingkat melek warga di kabupaten sleman*. Sleman: Laporan Penelitian Sleman.
- Agus Sutisna. (2017). *Peningkatan literasi politik pemilih pemula melalui pendekatan pembelajaran kontekstual*. [www.academia.edu](http://www.academia.edu). Diakses pada 14 Ogos 2017.
- Andi Faisal Bakti. (2012). *Literasi politik dan kondidiasi demokrasi*. Jakarta: Churia Press.
- Chandler, D. (t.t.). *Media Marxist Theory*[www.aber.ac.uk/media/Document/marxism/marxis.m.html](http://www.aber.ac.uk/media/Document/marxism/marxis.m.html).
- Crick, B. (2000). *Essays on citizenship*. London: Bloomsbury Publishing.

- Daftar Pemilih Terkini, ST 3/2017, Statistik Kaum Mengikut Daerah Mengundi.*  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Bahan tidak diterbitkan.
- Denver, D. T., & Hands, H. (1992). *Issues and controversies in British electoral behaviour*. London: Harvester Wheatsheaf.
- Economist. (2018). *Malaysia's election: Political Tsunami?* Diakses pada 10 Ogos 2018.
- Harian Metro. (2015). *Penggunaan internet di Malaysia ketiga tertinggi*.
- Huntington, S. P. & Nelson, J. M. (2014). *No easy choice: Political participation in developing countries*. Cambridge: Harvard University Press.
- Ker Pong Thock. (2008). *Tsunami politik 2008 dan hala tuju perkembangan politik MCA: Krisis dan dilema di sepanjang jalan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lasswell, H. D. (1936). *Politics: Who gets what, when, how*. New York: Cleveland.
- Lee Kuok Tiung & Mohd Safer Hashim. (2009). Media framing of a political personality: A case study of a Malaysian politician. *European Journal of Social Science*, 9 (3), 408–424.
- Leong, P. (2015). Political communication in Malaysia: A study on the use of new media in politics. *JeDem*, 7 (1), 46–71.
- Madhok S. (2005). Autonomy, political literacy, and the social women: Towards a Politics of inclusion. Dlm. C. Bates & S. Basu (Eds.). *Rethinking Indian Political Institutions*. London: Anthem. Majlis Perbandaran Tawau. 2018. *Kerajaan Tempatan Tawau*. www.mpt.sabah.gov.my
- McClosky, H. (1972). Political participation. Dlm. D. L. Sills (Ed.). *International Encyclopedia of Social Sciences*, New York: Macmillan Co. & Press.
- Md. Sadin Ahmad Ishak. (2006). Etika Media. Dlm. Rahman Shaari & Mohd Hamed (Eds.). *Media di Malaysia: Mendukung Citra Bangsa*. Siri Khas Sastera dan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Miriam Budiardjo. (2003). *Dasar-dasar Ilmu Politik*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2015). *Media, liberty, and politics in Malaysia: Comparative studies on local dynamics and regional concerns*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Nadia Fauzi. (2017). *Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan: Suatu kebaikan atau keburukan*. Bangi: Institut Latihan Kehakiman dan Perundungan (ILKAP).
- News.abs-cbn.com, *Sabah no longer a 'fixed deposit' in election for Malaysia's Najibs, says party rebel*. Diakses pada 10 Ogos 2018.
- Norhayati Mohd Salleh. (2008). Pilihan raya umum ke-12 (PRU-12) tsunami politik Melayu? *Jebat*, 35, 49–64.
- Pilihan Raya Umum Pertama. (1955). www.arkib.gov.my. Diakses pada 10 Ogos 2018.

- Reuters. (2018). *Sabah no longer a 'fixed deposit' in election for Malaysia's Najib, says party rebels.* www.reuters.com. Diakses pada 5 Mei 2018.
- Sabihah Osman. (2008). Pembangunan politik Sabah: Satu penelusuran sejarah, *Jurnal Kinabalu*, 14, 1–27.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2018). *Media sosial ada baik dan buruknya.* www.ukm.my/news. Diakses pada 30 Jun 2018.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.* (2018). www.spr.gov.my. Diakses pada 27 Ogos 2018.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (1994). Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Mengenai Kajian Semula Persempadanan Bahagian: Bahagian Pilihan Raya Parlimentar dan Negeri Bagi Negeri Sabah. *Syor Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, 1*
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (2003). Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Mengenai Kajian Semula Persempadanan Bahagian: Bahagian Pilihan Raya Parlimentar dan Negeri Bagi Negeri Sabah. *Syor Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, 1.*
- Syed Arabi Idid. (2018). *The Malaysian 14th General Election: Media use and trust among party supporters.* Kuala Lumpur: The Malaysian Press Institute and the Malaysian Communication Educators Association.
- The Sun Daily.* Sabah Loyal Partner of BN, says Najib. www.thesundaily.com. Diakses pada 10 Ogos.
- Utusan. Keputusan Pilihan Raya Umum ke-13: Sabah.* www.utusan.com.my. Diakses pada 11 Ogos.
- Vraga, E. K., Tully, M., Akin, H., & Rojas, H. (2012). Modifying perception of hostility and credibility of news coverage of an environmental controversy through media literacy. *Journalism*, 13 (7), 942–959.
- Zaini Othman, Eko Prayitno Joko, Ramli Dollah, Amrullah Maraining & Kim Jong Eop. (2016). Malaysia's 13th General Election: Sabah-Barisan Nasional fixed-deposit state? *Southeast Asia Review, Korea*, 26 (3), 91–118

